

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 11.07.2025 MASA: 9.30AM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

***RETREAT* AHLI MAJLIS TAHUN 2025  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**14 JULAI 2025 (ISNIN)  
8.30 PAGI**

**HOTEL MELIA  
HANOI, VIETNAM**

**Terima kasih Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye**

EXCO Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa

**Yang Dihormati barisan WHIP parti**

Encik Bernard Cheen Goon Hooi

Encik Zainuddin bin Mohamed

Encik Muhamad Suzuki bin Ahmad dan

Yang Berbahagia Datuk Mohd Noor bin Ahmad serta

**Yang Dihormati barisan Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Urusetia Program**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia MADANI,

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh makna ini dalam **Program Retreat Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Seberang Perai Tahun 2025**, yang diadakan di Hotel Melia, Hanoi, Vietnam.
2. Izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa serta Ahli Dewan Undangan Negeri Jawi, atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa untuk bersama-sama kita dan seterusnya merasmikan program ini.
3. Tidak dilupakan, penghargaan setulus hati saya ucapkan kepada semua Ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan serta semua hadirin yang turut hadir menjayakan program ini.
4. *Retreat* ini memperlihatkan komitmen berterusan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam memperkasa tadbir urus dan

perkhidmatan awam melalui sesi pembentangan, antaranya melibatkan:

- a. Panduan Pelaksanaan Perancangan & Pembangunan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB);
  - b. Isu-isu berkaitan penjaja; dan
  - c. garis panduan permit TNR.
5. Sesungguhnya, kejayaan dan kecemerlangan MBSP tidak terletak pada satu pihak semata-mata, tetapi merupakan natijah daripada sinergi yang utuh antara Ahli-Ahli Majlis dan barisan pengurusan serta pentadbiran MBSP. Oleh itu, *retreat* ini menjadi medan yang tepat untuk memperkukuh perkongsian idea, percambahan pemikiran strategik dan pelaksanaan tindakan secara kolektif demi manfaat rakyat Seberang Perai.
6. Saya turut menzahirkan harapan tinggi terhadap sesi lawatan kerja ke Tian Ying Technology Sdn Bhd (subsidiari kepada CNTY) yang dijadualkan pada 15 Julai 2025. Lawatan ini diharapkan dapat menjadi ruang interaksi berkesan antara Ahli-Ahli Majlis dan pihak pengurusan CNTY, seterusnya memperluas cakupan ilmu serta menyumbang kepada penambahbaikan perkhidmatan MBSP, khususnya dalam aspek teknologi dan inovasi perbandaran.

7. Justeru itu, saya percaya program *retreat* ini bukan sahaja akan membentuk jaringan kerjasama yang lebih erat, malah menjadi pemangkin kepada semangat kerja berpasukan dan persefahaman yang lebih utuh antara Ahli Majlis, Pengurusan Tertinggi dan seluruh warga kerja MBSP.
  
8. Harapan saya agar segala dapatan, input dan cetusan idea sepanjang *retreat* ini akan diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang konstruktif, inklusif dan lestari. Semoga segala usaha ini mampu merealisasikan aspirasi Seberang Perai sebagai sebuah bandaraya yang sejahtera, berdaya huni dan berwawasan, sekali gus memangkin Seberang Perai ke arah menjadi sebuah "*liveable and aspiring city*", selaras dengan matlamat Penang2030.

**Sekian, terima kasih ("cam on va xin ket Thuc").**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***